

# RM28.3j untuk pembangunan UMS-KAL

UB 01-04-2012 B12

**K**ERAJAAN Pusat memperuntukkan bajet sebanyak RM28.3 juta untuk melaksanakan projek pembangunan dan menaiktaraf kemudahan asas di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada tahun ini.

Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said berkata peruntukan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) itu diberi untuk membina dan menaiktaraf lapan projek pembangunan yang dijangka siap pada pertengahan tahun ini sehingga awal tahun depan.

Katanya, lapan projek itu ialah pembinaan Dewan Kuliah Pusat yang menelan

belanja sebanyak RM25 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2013.

Beliau berkata, empat projek dijangka disiapkan pada bulan ini iaitu laluan berbumbung yang bernilai RM350,000, menaiktaraf kafeteria (RM340,000), mengubahsuai bangunan (RM320,000) dan pembaikan laluan kabel elektrik di kolej kediaman sebanyak RM250,000.

Abdullah berkata, tiga lagi projek iaitu menaiktaraf kemudahan sukan yang bernilai RM1.1 juta, makmal Institut Development Bank (IDB) untuk Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) (RM1.5 juta) dan menaiktaraf lif (RM380,000) dijadual siap



PELAJAR dan kakitangan yang menyertai program Kampus Ceria UMS-KAL bergambar kenangan bersama Abdullah (baju kuning).

pada Mei depan.

"Kerajaan membelanjakan kira-kira RM28 juta untuk membina dan menaiktaraf kemudahan untuk kegunaan pelajar dan kakitangan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Kampus Ceria 2012 di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada Sabtu lalu. Program Kampus Ceria yang bertemakan "Kampus Ceria Warga Cergas" telah diilhamkan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima

Dr Kamaruzaman Ampon adalah kesinambungan daripada program Gotong-Royong Perdana 1Malaysia yang telah dilancarkan pada tahun lalu.

Pada majlis itu, beliau yang diiringi Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang turut melawat projek-projek berkenaan dan bersama-sama kakitangan dan pelajar bergotong-royong menyiapkan projek keceriaan di Zon Laman 1Malaysia, Zon Danau Damit dan Zon Replika Al-Haj.

Turut hadir Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Lee Hock Ann dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Abdullah berharap pelajar dan kakitangan universiti itu akan menjaga dan menggunakan kemudahan itu dengan baik untuk menjaga imej UMS-KAL sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, kewujudan UMS-KAL turut membantu



SENAMROBIK turut diadakan sempena program Kampus Ceria UMS-KAL 2012.

menjana ekonomi, industri pelancongan dan pertambahan penduduk Wilayah Persekutuan Labuan dengan kehadiran pelajar dan pensyarah tempatan dan luar negara.

Tambahnya, UMS-KAL juga menyuntik semangat pelajar dan generasi muda untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di samping menjadikan Labuan sebagai pulau ilmu yang disegani di rantau ini.

"Kewujudan UMS-KAL juga telah menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk tempatan selain mengeratkan hubungan dua hala antara universiti dengan masyarakat setempat," katanya.

Oleh itu, Abdullah menyeru warga UMS-KAL akan terus berganding bahu dengan pemimpin

dan penduduk tempatan mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan terutama dalam membantu pelajar dan generasi muda meningkatkan taraf hidup, ekonomi dan pendidikan mereka.

Dalam ucapannya, Abdullah berkata penganjuran program seumpama itu sememangnya amat bertepatan sebagai salah satu usaha memeriah dan menceriakan kawasan kampus.

Katanya, penglibatan seluruh warga UMS-KAL turut mengeratkan lagi ikatan hubungan silaturahim dan memupuk semangat kerjasama yang utuh. Usaha UMS-KAL sememangnya wajar dibanggakan bukan sahaja oleh warganya dan menjadi teladan serta galakan kepada masyarakat di sekitar Labuan untuk melaksanakan program

sedemikian di kawasan masing-masing.

"Saya percaya melalui penganjuran ini boleh meningkatkan pembangunan akademik serta mutu pengajaran dan pembelajaran. Ia kerana, penglibatan dalam program keceriaan merupakan aktiviti-aktiviti riadah yang memberi sumbangan besar dalam melahirkan warga yang sihat dan cergas," katanya.

Abdullah berharap warga UMS-KAL terus bersama-sama membangunkan Universiti Malaysia Sabah bersesuaian dengan falsafah universiti untuk melahirkan masyarakat terpelajar yang progresif, berdisiplin, bersepadu dan seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani untuk berbakti mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara.



ABDULLAH mengecat laluan 1Malaysia sambil diperhatikan oleh pegawai dan kakitangan serta pelajar.



ABDULLAH (tiga kiri), Shariff (tiga kanan) dan Zamri (kiri) meletakkan batu bata di Zon Danau Damit untuk menceriakan lagi kampus UMS Labuan.